KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KPLB KOMITED BANTU PELAN PEMULIHAN NEGARA

Putrajaya: Selaras dengan pelaksanaan berfasa Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan YAB Perdana Menteri baru-baru ini sebagai usaha jelas kerajaan untuk keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara, Kementerian Pembangunan Luar Bandar KPLB telah menyahut agenda kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan dan mereka yang terjejas terutama golongan B40 dengan mencadangkan beberapa bantuan dan insentif.

Bantuan dan insentif ini bertujuan membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup serta meningkatkan pendapatan. Antara insentif yang ditawarkan di bawah lima Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) KPLB iaitu PERDA, KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan KEJORA ialah:

- Pengecualian bayaran premis perniagaan;
- Penangguhan bayaran sewa rumah;
- Pengecualian bayaran sewa tanah;
- Penangguhan bayaran balik pinjaman; dan
- Menstrukturkan semula dan memperluas program-program keusahawanan di Agensi.

Bagi Agensi lain seperti KEMAS dan JAKOA juga ada menawarkan insentif seperti moratorium, bantuan dan kursus serta bantuan bakul

makanan untuk masyarakat Orang Asli untuk membantu meringankan beban mereka susulan pandemik COVID19 ini.

MARA pula meneruskan inisiatif sedia ada di bawah Pakej Bantuan MARA 3.0 yang menyediakan tiga (3) pakej bantuan seperti berikut:

i. Program MARA Prihatin: Peace of Mind 3.0;
ii. Penjadualan Semula Bayaran Balik Pembiayaan MARA; dan
iii. Diskaun sewa kepada penyewa premis perniagaan MARA

Program MARA Prihatin: Peace of Mind 3.0 adalah MARA yang menawarkan pakej bantuan kepada peminjam pinjaman pelajaran MARA seperti berikut:

Dua (2) inisiatif utama:

i. Moratorium/Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran Moratorium adalah inisiatif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran MARA selama 3 bulan selepas kelulusan diberikan.

ii. Penjadualan Semula Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran MARA (JSBB) JSBB adalah inisiatif bagi menjadualkan semula bayaran balik pinjaman bulanan yang lebih rendah iaitu sebanyak RM100 sebulan selama setahun.

Dua (2) inisiatif sampingan:

i. Permohonan Pengurangan Pinjaman Pelajaran MARA (Conversion) Permohonan Conversion bagi peminjam

pinjaman pelajaran MARA diteruskan dan dimasukkan (embedded) ke dalam salah satu inisiatif MARA Prihatin : Peace of Mind 3.0.; dan

ii. Alternatif bayaran menggunakan perkhidmatan e-Pengeluaran KWSP Inisiatif ini menyediakan perkhidmatan bayaran balik kemudahan pinjaman pelajaran MARA melalui pemotongan akaun kedua (Ke-2) dengan menggunakan platform atas talian yang disediakan oleh pihak KWSP.

Penjadualan semula bayaran balik merupakan kemudahan kepada pelanggan terlibat bagi mengurangkan beban ansuran bulanan yang tinggi. Dengan memanjangkan tempoh pembiayaan sehingga 36 bulan, ia dapat mengurangkan bayaran ansuran bulanan pembiayaan. Ini akan membantu mengurangkan ketegangan dalam menguruskan aliran tunai perniagaan.

Pemberian tiga (3) bulan diskaun sewa sebanyak 30% kepada semua 5,795 penyewa MARA.

Secara keseluruhannya, sebanyak RM 231 juta telah diperuntukan oleh semua agensi di bawah KPLB untuk membantu golongan yang terjejas sepanjang total lock down ini yang bakal memanfaatkan sejumlah 833, 197 orang usahawan/penyewa/peminjam.

USAHAWAN LUAR BANDAR

Selain itu, KPLB turut mengambil pendekatan ke arah pendigitalan dalam meningkatkan pemasaran produk usahawan-usahawan luar bandar.

Salah satu usaha yang telah dilaksanakan adalah Program DesaMall@KPLB. Program ini merupakan kaedah peluasan pasaran produk serta perkhidmatan usahawan luar bandar melalui platform e-Dagang di samping membantu usahawan luar bandar menambahbaik mutu dan kualiti produk untuk kesediaan berniaga dalam talian (online business readiness).

Dengan peruntukan tahun semasa sebanyak RM 1 juta, KPLB, mensasarkan 1,000 produk usahawan luar bandar dipasarkan di platform e-dagang pada tahun ini. Program Jana Niaga MARA Shopee juga salah satu program bagi memperluaskan pasaran melalui e-dagang.

KPLB juga akan melaksanakan Program eKUD@KPLB, program berbentuk karnival yang dilaksanakan secara maya bermula September hingga Oktober 2021. Program ini merupakan tahun kedua pelaksanaannya berikutan pandemik COVID-19 yang bertujuan menggalakkan usahawan luar bandar beralih kepada platform digital.

Bagi meningkatkan kemampuan usahawan luar bandar ke arah digital, selain masalah rangkaian dan devices yang terhad, pengetahuan para usahawan berkaitan perniagaan atas talian ini juga perlu ditingkatkan. Dalam hal ini, KPLB telah melaksanakan program-program pembangunan usahawan bagi menyediakan usahawan kearah perniagaan platform digital.

Program-program bantuan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat akan diteruskan bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara antaranya:

Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Di bawah Program Perumahan Rakyat Termiskin, sebanyak 1,280 projek bina baru rumah dan 5,541 projek baik pulih rumah telah diluluskan sejak Januari hingga Mei 2021 dan sedang dalam fasa pelaksanaan. Jumlah bantuan ini melibatkan peruntukan sebanyak RM132,772,350. Program ini akan terus dilaksanakan dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara dengan sasaran tambahan sebanyak 200 projek bina baru dan 5,800 projek baik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM142 juta.

Projek di bawah program ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 60 ribu ahli isi rumah miskin dan miskin tegar luar bandar dalam bentuk keselesaan dan keselamatan rumah kediaman. Selain itu, ia turut juga memberi manfaat kepada kira-kira 4 ribu kontraktor kecil dan pembekal bahan binaan untuk meneruskan perniagaan serta kirakira 15 ribu pekerja binaan mendapatkan sumber pendapatan.

Program Latihan Kemahiran Dan Kerjaya (PLKK)

Manakala di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk menyediakan peluang latihan untuk kerjaya khususnya bagi golongan B40 yang masih produktif di luar bandar. Fokus program adalah kepada latihan kemahiran yang mempunyai penempatan kerjaya selepas latihan.

Sejak Januari hingga Mei 2021, seramai 2,224 peserta telah diluluskan untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran jangka pendek. Kursus di

bawah PLKK ini akan diteruskan secara berperingkat dan disesuaikan dengan SOP yang telah ditetapkan dalam tempoh kawalan pergerakan sehingga Pelan Pemulihan Negara dilaksanakan.

Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Program Peningkatan Pendapatan (PPP) merupakan pemberian bantuan peralatan dan latihan kepada kumpulan miskin tegar, miskin dan B40 di luar bandar bagi meningkatkan pendapatan semasa dengan had siling bantuan sebanyak RM10 ribu setiap penerima. Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM7juta di bawah program ini bagi kumpulan sasar untuk menjalankan projek-projek ekonomi yang bersesuaian.

Dengan bantuan di bawah program ini, ia akan menyokong Pelan Pemulihan Negara khususnya membantu kumpulan sasar dari kalangan miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan tambahan dan keluar daripada zon kemiskinan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup yang lebih baik.

PROGRAM VAKSINASI

Bagi mempercepatkan program vaksinasi yang merupakan salah satu indikator kejayaan Pelan Pemulihan Negara (PPN), KPLB akan menggerakkan sumber tenaga dan aset bagi membantu negara mencapai imuniti kelompok (herd immunity) menjelang tahun 2022.

KPLB mengaktifkan kesemua 191 buah Pusat Komuniti Desa (PKD sebagai Pusat Daftar Vaksin Luar Bandar bermula 20 Mei 2021.

Sehingga 15 Jun 2021, PKD telah berjaya mendaftarkan seramai 6,558 orang untuk mengambil vaksin di seluruh negara.

Secara purata, setiap hari PKD berfungsi untuk melayani seramai 369 semenjak PKD diaktikan sebagai Pusat Daftar Vaksin. KPLB akan mempertingkatkan lagi sasaran untuk mendaftar kira-kira 30% daripada 7.73 juta masyarakat luar bandar iaitu kirakira 2.319 juta.

Sepanjang PKP ini, PKD akan beroperasi melalui temujanji bersemuka, telefon dan Whatsapps. Kita cuba kurangkan interaksi bagi memutuskan rantaian Covid-19 dengan menyediakan inisiatif pendaftaran vaksin secara pandu lalu di beberapa PKD. KPLB sedang dalam perbincangan bersama KKM dan CITF untuk menjadikan PKD sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

-TAMAT-

YB DATUK DR. ABD. LATIFF AHMAD
Menteri Pembangunan Luar Bandar

21 JUN 2021